



**SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)  
(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)**

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
1	<b>LALUAN KERJAYA PEMBANTU PERIKANAN</b>	
	<p>1.1) <b>MENGAPA JABATAN TIDAK MELAKSANAKAN LALUAN KERJAYA PEMBANTU PERIKANAN KEPADA PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN SETARA DENGAN DOA DAN DVS?</b></p>	<p><b><u>Syarat Skim</u></b></p> <p>1) Perlu difahami terlebih dahulu mengenai Syarat Kelayakan Masuk Skim-skim Perkhidmatan mengikut sejarahnya iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/1991 (Sistem Saraan Baru);</li> <li>b) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2002 (Sistem Saraan Malaysia);</li> <li>c) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17/2003 (Pindaan Skim Perkhidmatan Pembantu Pertanian Gred G17, G22 Dan G26);</li> <li>d) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13/2013 (Penjumudan Skim Perkhidmatan Pembantu Pertanian dan Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian, Pembantu Veterinar Dan Penolong Pegawai Veterinar); dan</li> <li>e) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2016 (Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia).</li> </ol> <p>2) Kesemua Pekeliling di atas merekodkan perkembangan dan perubahan skim serta tangga gaji.</p> <p><b><u>Beza Skim Pembantu Perikanan VS Pembantu Veterinar / Pembantu Pertanian</u></b></p> <p>3) Sebelum tahun 2013, syarat masuk bagi skim-skim tersebut di atas ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pembantu Perikanan (SPM/SPMV);</li> <li>b) Pembantu Pertanian (Sijil Pertanian kuatkuasa pada tahun 2004 – PP17/2003); dan</li> <li>c) Pembantu Veterinar (SPM/SPMV dan Sijil Veterinar).</li> </ol>



SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>4) Apabila Sijil Pertanian / Veterinar diiktiraf setaraf dengan STPM, maka terdapat pindaan pada Skim Perkhidmatan terlibat seperti mana PP13/2013 iaitu:</p> <p>a) <b>Jumud</b> - Skim Pembantu Pertanian</p> <p>b) <b>Skim bersepadu</b> - Skim Pembantu Veterinar / Penolong Pegawai Veterinar</p> <p>5) Sehubungan dengan itu, mana-mana pegawai yang mempunyai kelayakan sijil tersebut <b>SEBELUM DILANTIK DALAM KERAJAAN</b> akan ditukar lantik ke Skim Penolong Pegawai Pertanian / Veterinar; dan</p> <p>6) Skim Pembantu Perikanan KEKAL kerana pada masa itu Sijil Perikanan tidak dilaksanakan. Sijil Perikanan hanya mula dilaksanakan pada tahun 2015.</p>
1.2)	<p><b>MENGAPAKAH DOF TIDAK MENJUMUDKAN SKIM PEMBANTU PERIKANAN SEBAGAIMANA PEMBANTU PERTANIAN DAN PEMBANTU VETERINAR?</b></p>	<p>1) <b>Pihak Kesatuan Pekerja MTSU</b> pernah memohon melalui Mesyuarat MBK Sains dan Teknologi pada 8 Ogos 2019, namun dimaklumkan kertas perlu dibawa ke MBK Am pada 13 Ogos 2020. Permohonan oleh pihak MTSU adalah seperti berikut:</p> <p><b>a) Cadangan tukar lantik ke G29 bagi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembantu Perikanan yang memiliki Sijil Kemahiran Malaysia SKM (Tahap) 4 atau Diploma Kemahiran Malaysia (DKM);</li> <li>- Pembantu Perikanan yang lulus peperiksaan PSL dan telah berkhidmat lebih 10 tahun;</li> </ul> <p><b>b) Keputusan MBK Am pada 13 Ogos 2020 adalah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kertas ini perlu diselaraskan oleh MAFI dan perlu mendapatkan persetujuan Ketua Perkhidmatan terlebih dahulu sebelum diangkat kepada BPO, JPA.</li> <li>- Kertas tidak dibentangkan dalam MBK Am Tahun 2020.</li> </ul>



## SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

### JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>2) Susulan Mesyuarat MBK Sains dan Teknologi pada 8 Ogos 2019, satu <b>Mesyuarat Permohonan Tukar Lantik Skim Perkhidmatan Pembantu Perikanan kepada Penolong Pegawai Perikanan Gred G29</b> telah diadakan pada 6 Februari 2020 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia dan telah dihadiri oleh pihak JPA, MAFI, Wakil MBK, Wakil MTSU, Naib Pengerusi MBJ DOF dan Wakil PLKK.</p> <p><i>Nota: Semasa mesyuarat, wakil MTSU memaklumkan bahawa cadangan tukar lantik Skim Perkhidmatan Pembantu Perikanan turut mencadangkan ke arah penjumudan skim tersebut.</i></p> <p>3) <b>Keputusan mesyuarat pada 6 Februari 2020</b> tersebut adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Kemaskini syarat lantikan DKM ke dalam syarat lantikan Penolong Pegawai Perikanan sekiranya sesuai;</li><li>b) Syarat lantikan boleh dikemaskini setelah mendapat Akreditasi penuh MQA bagi Sijil Perikanan dan usaha-usaha untuk Pembantu Perikanan mendapat Sijil Perikanan perlu dilaksanakan oleh Jabatan;</li><li>c) Jabatan perlu membuat keputusan sama ada hendak menjumudkan Skim Pembantu Perikanan berdasarkan:<ul style="list-style-type: none"><li>- Praktikaliti;</li><li>- Keperluan di peringkat negeri</li><li>- Kompetensi</li><li>- Kompleksiti tugas (Peluasan skop daripada Pembantu Perikanan kepada Pen. Peg. Perikanan)</li></ul></li><li>d) Pengambilan pengisian G19 bagi tahun 2020 – utamakan yang memiliki DKM/Diploma (sebagai persediaan sekiranya Jabatan menjumudkan skim Pembantu Perikanan);</li></ul>



## SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

### JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>e) Jabatan perlu membuat kajian terhadap penjumudan skim mengambil kira Skim Pembantu Perikanan Lantikan Negeri dan Pihak Berkuasa Badan Berkanun.</p> <p>4) Susulan daripada keputusan tersebut, pihak BKP DOF telah mengeluarkan surat <b>Kajian Penjumudan Skim Pembantu Perikanan</b> (rujukan PRK. ML.08/83 Jld. 22 (38) bertarikh 1 April 2020) kepada semua Bahagian dan Pejabat Perikanan Negeri. Maklumbalas yang diterima adalah seperti berikut:</p> <p>a) Keperluan Pembantu Perikanan adalah amat diperlukan di peringkat negeri bagi menjalankan tugas-tugas berkaitan pelesenan, pengutipan data perikanan dan pelbagai program turun padang yang dilaksanakan oleh Jabatan; dan</p> <p>b) Bersetuju untuk jumud sekiranya bilangan perjawatan kekal seperti sedia ada (tidak trade-off) untuk wujudkan jawatan gred lantikan G29 dan Gred naik pangkat G32/G36/G40.</p>
1.3)	<b>MENGAPA SIJIL PERIKANAN TIDAK DITERIMA SEBAGAI SYARAT MASUK SKIM PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN?</b>	<p><b><u>Sijil Perikanan</u></b></p> <p>1) Permohonan memasukkan Sijil Perikanan dalam syarat masuk Skim Penolong Pegawai Perikanan telah dikemukakan melalui surat Prk.ML.08/83 Jld. 23(2) bertarikh 28 Julai 2020.</p> <p>2) Berdasarkan maklumat terkini perbincangan bersama BPO JPA pada 4.4.2022, dimaklumkan bahawa permohonan tersebut <b>masih dalam peringkat kajian</b> oleh JPA.</p>
1.4)	<b>MENGAPA DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA TIDAK DITERIMA SEBAGAI SYARAT MASUK SKIM PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN?</b>	<p><b><u>Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/ Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)</u></b></p> <p>1) Pihak JPA telah memohon maklumbalas Jabatan mengenai Peruntukan Masuk DKM / DLKM ke dalam Skim Penolong Pegawai Perikanan Gred G29.</p>



SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>2) <b>Mesyuarat Penyelarasan Peruntukan Masuk DKM/DLKM ke Dalam Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perikanan Gred G29</b> bersama Pengarah PLKK, APM, KPSN, Bahagian Pembangunan Akuakultur, Bahagian Pengembangan dan Bahagian Perikanan Tangkapan dan Pelesenan telah diadakan pada 19 Ogos 2020 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) sebagai Pengerusi Ganti.</p> <p>3) Ketua Perkhidmatan pada masa itu telah memberikan maklumbalas melalui surat PRK.ML (S) 02/81 Jld. 2 (59) bertarikh 21 Ogos 2020 yang memaklumkan <b>TIDAK BERSETUJU</b> untuk peruntukan syarat masuk DKM/DLKM bagi Skim Penolong Pegawai Perikanan gred G29 atas justifikasi:</p> <p>a) <b>Kompetensi multidisiplin</b> diperlukan bagi skim tersebut yang melibat bidang perikanan tangkapan, akuakultur dan pengembangan. <i>National Occupational Skills Standards</i> (NOSS) dalam DKM/DLKM fokus kepada bidang tertentu sahaja; dan</p> <p>b) Jabatan telah memohon supaya <b>Sijil Perikanan</b> dimasukkan dalam Syarat Masuk Skim Penolong Pegawai Perikanan yang setara dengan Sijil Pertanian dan Sijil Veterinar.</p>
1.5)	<b>BOLEHKAH SKM ATAU DKM DITERIMA SEBAGAI SYARAT KELAYAKAN MASUK SKIM PEMBANTU PERIKANAN DAN PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN?</b>	<p><b><u>SKM bagi Skim Pembantu Perikanan</u></b></p> <p>1) Pada masa ini SKM Tahap II dan III dalam bidang Akuakultur, Perikanan Tangkapan dan Pemprosesan diterima sebagai <b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN YANG LEBIH TINGGI SAHAJA.</b></p> <p><b><u>DKM/DLKM bagi Skim Penolong Pegawai Perikanan</u></b></p> <p>2) Berdasarkan keputusan Ketua Perkhidmatan pada tahun 2020, DKM dalam bidang Akuakultur, Perikanan Tangkapan dan Pemprosesan <b>belum lagi diterima</b> sebagai syarat masuk Penolong Pegawai Perikanan.</p>



SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>3) <b>Ketua Perkhidmatan boleh melaksanakan kajian semula</b> dari semasa ke semasa sekiranya NOSS DKM/DLKM memenuhi kompetensi yang diperlukan oleh Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perikanan.</p> <p>4) Sebarang perubahan pada Syarat Masuk / Syarat Lantik sesuatu Skim Perkhidmatan adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Ketua Perkhidmatan dan kelulusan JPA.</p>
1.6)	<p><b>APAKAH LALUAN KERJAYA KE PERINGKAT LEBIH TINGGI BAGI SKIM PEMBANTU PERIKANAN?</b></p>	<p>1) Pada masa ini, tiada kenaikan automatik ke gred lebih tinggi berdasarkan laluan sedia ada. Walau bagaimanapun <b>Pembantu Perikanan boleh naik pangkat / dilantik</b> ke jawatan lebih tinggi melalui kaedah berikut:</p> <p><b>i. <u>Naik pangkat di Skim Perkhidmatan yang sama</u></b></p> <p>a) Memangku dan Naik Pangkat dengan mengisi kekosongan hakiki Gred Naik Pangkat berdasarkan syarat skim dan panduan memangku PP7/2010; dan</p> <p>b) Time based berasaskan kecemerlangan (TBK 1 &amp; 2) tertakluk kepada PP10/2017.</p> <p><b>ii. <u>Lantikan Terus ke Gred Penolong Pegawai Perikanan G29</u></b></p> <p>a) Peningkatan Secara Lantikan (PSL) – lulus peperiksaan PSL; atau</p> <p>b) Memilik Diploma dalam bidang yang diiktiraf oleh Skim Perkhidmatan Pen. Peg. Perikanan G29 dan Lulus Bahasa Melayu Peringkat SPM;</p> <p>c) Permohonan adalah melalui SPA9i dan lulus Peperiksaan Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE) dan berjaya dalam Temuduga; dan</p> <p>d) <b>Peringatan:</b> Pegawai perlu mengemaskini maklumat Pegawai Sedang Berkhidmat (PSB) dan maklumat kelulusan peperiksaan PSL setiap tahun di dalam SPA9i.</p>



**SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)**  
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)**  
**(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)**

---

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>iii. <b><u>Lantikan Terus ke Pegawai Perikanan G41 / Pegawai Penyelidik Q41</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Memilik Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang diiktiraf oleh Skim Perkhidmatan tersebut dan Lulus Bahasa Melayu Peringkat SPM; dan</li><li>b) Permohonan adalah melalui SPA9i dan lulus Peperiksaan Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE) dan berjaya dalam Temuduga.</li></ul> <p>iv. <b><u>Lantikan Terus ke mana-mana Skim Penolong Pegawai dan Pegawai agensi Persekutuan atau Negeri atau Badan Berkanun</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Sekiranya memilik kelayakan akademik dalam bidang yang diiktiraf oleh Skim-skim Perkhidmatan tersebut dan Lulus Bahasa Melayu Peringkat SPM;</li><li>b) Permohonan adalah melalui:<ul style="list-style-type: none"><li>- SPA9i dan lulus Peperiksaan Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE) dan berjaya dalam Temuduga; atau</li><li>- Memohon dengan Suruhanjaya-suruhanjaya Lantikan yang lain.</li></ul></li><li>c) Sekiranya berjaya, pegawai akan ditukar lantik ke Skim Perkhidmatan Baharu. Pelepasan jawatan bagi percantuman perkhidmatan untuk pengiraan tempoh yang boleh dimasuk kira untuk pencen.</li></ul> <p>v. <b><u>Pertukaran sementara / tetap ke Skim Perkhidmatan yang lain di bawah Jabatan Perikanan atau Agensi Lain</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Rujukan Pekeliling:<ul style="list-style-type: none"><li>- <b>MyPPSM, Ceraian UP1.2.1</b> - Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap; dan dibaca bersekali dengan</li><li>- <b>MyPPSM, Ceraian UP1.2.1</b> - Dasar Baru Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap.</li></ul></li></ul>



SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<ul style="list-style-type: none"> <li>b) <b>Pegawai berbakat/berkepakaran yang dikenalpasti oleh Ketua Perkhidmatan</b> untuk ditukar sementara ke Skim Perkhidmatan lain kerana bakat/kepakarannya diperlukan untuk menjalankan tugas di Skim Perkhidmatan tersebut;</li> <li>c) <b>Tempoh pertukaran sementara adalah selama 1 tahun</b> dan kemudiannya boleh dimohon bagi pertukaran tetap;</li> <li>d) Dalam hal ini, kelulusan permohonan bagi pertukaran sementara/tetap adalah di bawah <b>bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)</b> dengan sokongan Ketua Setiausaha Kementerian;</li> <li>e) Setelah kelulusan daripada JPA diperolehi, urusan pelantikan adalah melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).</li> </ul>
1.7)	<p><b>SEKIRANYA SIJIL PERIKANAN DITERIMA SEBAGAI SYARAT MASUK KE SKIM PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN, APAKAH LALUAN KERJAYA KE PERINGKAT LEBIH TINGGI BAGI SKIM PEMBANTU PERIKANAN?</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) Berdasarkan perbincangan bersama pihak JPA dalam Hal-hal Lain semasa Mesyuarat Kajian Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Sains (Skim C) pada 9/9/2022, pihak JPA memaklumkan bahawa kaedah laluan kerjaya adalah melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) <b>Peningkatan Secara Lantikan (PSL)</b> - memohon melalui SPA bagi Pegawai Sedang Berkhidmat (PSB) yang memiliki kelayakan Sijil Perikanan/Diploma/PSL;</li> <li>b) <b>Tukar Lantik (MyPPSM Ceraian UP.1.3.2)</b> – melalui pemansuhan jawatan/penjumudan skim.</li> </ul> </li> <li>2) Kaedah PSL adalah seperti yang dinyatakan dalam Perkara 1.6 (ii) FAQ ini.</li> <li>3) Bagi maksud melaksanakan <b>tukar lantik secara pemansuhan jawatan atau penjumudan skim</b>, adalah penting penentuan berikut dilaksanakan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Syarat kelayakan masuk ke Skim Perkhidmatan baharu;</li> <li>b) Kompetensi yang diperlukan oleh skim; dan</li> <li>c) Ketersediaan Perjawatan.</li> </ul> </li> </ul>





SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)  
(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p><b><u>Syarat kelayakan masuk:</u></b></p> <p>4) Ketua Perkhidmatan menetapkan syarat masuk ke Skim Penolong Pegawai Perikanan sama ada menggunakan Diploma; atau Sijil Perikanan; atau DKM/DLKM.</p> <p><b><u>Kompetensi skim:</u></b></p> <p>5) Dalam hal ini, Jabatan perlu mengkaji sama ada <b>tugasan / kerja yang dilaksanakan oleh Skim Pembantu Perikanan mempunyai keperluan untuk dilaksanakan oleh pegawai yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi</b> daripada syarat masuk sedia ada iaitu Diploma/Sijil atau masih lagi boleh dilaksanakan oleh Pegawai yang mempunyai kelayakan SPM sahaja.</p> <p>6) Sebagai contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a. <b>Penjumudan Skim Perkhidmatan Pembantu Meteorologi</b>, C17, C22, C26 ditukarlantik kepada Penolong Pegawai Meteorologi C29, C32, C38, C40 (PP1/2016).</li><li>b. <b>Tugas Pembantu Meteorologi (PP26/2009)</b>: Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berkaitan pencerapan cuaca, merekod dan menghantar laporan cuaca berdasarkan piawai <i>International Civil Aviation Organizational (ICAO) dan World Meteorological Organization (WMO)</i>. Memastikan semua sensor pengukuran cuaca beroperasi dan menentukan semua data dihantar keluar serta diterima dengan sempurna juga berperanan membekalkan maklumat asas untuk keperluan awam.</li><li>c. <b>Bagi memenuhi piawaian kebangsaan dan antarabangsa bagi tugas-tugas sedia ada</b> yang dijalankan oleh Pembantu Meteorologi adalah memerlukan pegawai yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya STPM atau Diploma. Sehubungan dengan itu, jawatan Pembantu Meteorologi dijumudkan dan ditukarlantik kepada Penolong Pegawai Meteorologi.</li></ul>



## SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

### JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>7) Bagi Skim Pembantu Perikanan yang ingin ditambah baik secara tukar lantik, perlulah <b>pembuktian bahawa kerja-kerja sedia ada yang dilakukan pada masa ini memerlukan kelulusan akademik yang lebih tinggi</b> berdasarkan kepatuhan-kepatuhan di dalam apa-apa Akta/Peraturan kebangsaan atau antarabangsa.</p> <p><b><u>Sijil Perikanan:</u></b></p> <p>8) Pada masa ini, Program Sijil Perikanan hanya fokus kepada pelajar sepenuh masa dan <b>belum mempunyai Program Khas</b> bagi kemudahan kepada Penjawat Awam atau Individu untuk mengikuti:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>c) Program Pelajar Separuh Masa; atau</li><li>d) Pengajian Jarak Jauh (PJJ); atau</li><li>e) Pengecualian Kredit bagi Pengalaman Terdahulu.</li></ul> <p>9) <b>Program Khas Sijil Perikanan perlu disediakan dan diakreditasi</b> terlebih dahulu bagi membolehkan pengambilan di kalangan Penjawat Awam atau Pegawai Jabatan untuk mengikuti pengajian menggunakan kemudahan – kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan seperti Cuti Belajar dan Cuti Kursus Sambilan.</p> <p><b><u>Ketersediaan Jawatan:</u></b></p> <p>10) Apabila syarat masuk telah ditentukan dan kompetensi skim memenuhi syarat masuk, Ketua Perkhidmatan boleh memohon kepada JPA bagi Opsyen Tukar Lantik sama ada secara:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) <b>Pemansuhan &amp; Pewujudan jawatan baharu</b> (tertakluk kepada dasar semasa kerajaan sama ada perlu pemansuhan jawatan yang senilai (trade-off) atau pemansuhan secara “one to one” tanpa mengambil kira nilai perjawatan); atau</li><li>b) <b>Penjumudan skim.</b></li></ul>



## SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

### JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>11) Pembantu Perikanan yang <b>tidak dapat memenuhi syarat opsyen tukar lantik</b> sesuatu jawatan/skim perkhidmatan atau <b>menolak tawaran opsyen</b>, boleh memilih untuk <b>dibersarakan</b>.</p> <p><b>Perhatian:</b> <i>Urusan pertukaran pelantikan melibatkan bidang kuasa JPA dan prosesnya panjang. Hal ini demikian kerana ia melibatkan kajian mendalam terhadap impak perubahan skim perkhidmatan serta melibatkan keputusan Kerajaan di peringkat tertinggi.</i></p>
1.8)	<b>MENGAPA TIDAK DIWUJUDKAN JAWATAN BERSEPADU PEMBANTU PERIKANAN/PENOLONG PERIKANAN SEPERTI DVS?</b>	<p>1) Pada masa ini pewujudan perkhidmatan bersepadu adalah <b>tidak digalakkan</b> lagi oleh JPA kerana mempunyai banyak masalah dari aspek pengisian jawatan kosong, penentuan gred yang kosong dan masalah penentuan kenaikan pangkat.</p> <p>2) Selain itu, jawatan bersepadu DVS diwujudkan kerana pada masa tersebut Skim Pembantu Veterinar di bawah Kerajaan Negeri masih menetapkan kelulusan Akademik SPM sebagai syarat masuk skim, berbanding Pembantu Veterinar di bawah Persekutuan yang menetapkan kelulusan Sijil Veterinar sebagai syarat masuk skim. Sehubungan dengan itu, skim Pembantu Veterinar tidak dapat diwujudkan kerana masih diperlukan di peringkat negeri dan dilaksanakan sebagai jawatan bersepadu.</p> <p>3) Skim perkhidmatan bersepadu juga <b>bukanlah bermaksud pegawai sedang berkhidmat boleh dilantik ke gred yang lebih tinggi secara automatik</b> apabila memenuhi syarat masuk akademik. Sebaliknya perlu memohon untuk masuk melalui Suruhanjaya yang berkenaan secara PSL sekiranya terdapat kekosongan jawatan.</p>



SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
2	<b>PELANTIKAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM</b>	
	2.1) <b>BOLEHKAH KUOTA PENGAMBILAN DIBERIKAN KEPADA PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT (PSB)?</b>	1) Pada masa ini, SPA hanya membenarkan kuota berdasarkan lokaliti atau jantina sahaja; 2) Pengerusi Temuduga dan Wakil Jabatan mempunyai peranan dalam memilih calon yang sesuai dengan kelayakan dan keperluan Jabatan. Walau bagaimanapun, semua keputusan pelantikan adalah tertakluk dan muktamad berdasarkan kelulusan SPA; dan 3) Bagi aspek integriti dan ketelusan, semua pemohon perlu bersaing secara sihat dan telus berdasarkan prestasi semasa menduduki peperiksaan, tapisan lain (jika ada) dan temuduga.
3	<b>PERJAWATAN PEGAWAI PERIKANAN G41/44 &amp; G44</b>	
	3.1) <b>ADAKAH JAWATAN G44 HAKIKI DAN FLEKSI MEMPUNYAI PERBEZAAN DARI SEGI PENARAFAN DAN KEKANANAN?</b>	1) Bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Perikanan, kenaikan pangkat adalah bergantung kepada <b>kekosongan jawatan</b> . Sehubungan dengan itu, oleh kerana jawatan gred 44 adalah terhad, Jabatan Perkhidmatan Awam mula melaksanakan pemangkuan ke Gred 44 bagi pegawai Gred 41 yang berkhidmat <b>sekurang-kurangnya 8 tahun</b> dan berprestasi baik mulai tahun 2014. 2) <b>Berdasarkan MyPPSM, UP3, Ceraian U.P.3.1.1</b> – Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam, pegawai yang layak dipertimbangkan bagi tujuan Pemangkuan/ Kenaikan Pangkat adalah: <ol style="list-style-type: none"> <li>disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</li> <li>melempi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;</li> <li>diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;</li> <li>bebas daripada hukuman tatatertib;</li> <li>telah mengisytiharkan harta;</li> <li>lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);</li> </ol>



**SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)**  
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)**  
**(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)**

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>h) bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan</p> <p>i) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.</p> <p>3) <b>Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA)</b> pula boleh mempertimbangkan perakuan kepada pegawai berasaskan:</p> <p><b>i. Merit:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kecekapan dan prestasi kerja pegawai;</li> <li>- kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai;</li> <li>- sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai;</li> <li>- kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada masyarakat dan negara;</li> <li>- Aspek lain yang relevan (contoh: Penilaian Potensi/Temuduga/Dan lain-lain);</li> <li>- Perakuan Search Committee bagi gred 48 ke atas; dan</li> </ul> <p>ii. <b>*Kekananan</b> (sekiranya terdapat dua (2) atau lebih pegawai mempunyai merit yang sama/setara.</p> <p>4) <b>Takrifan "kekananan"</b> ertinya susunan kedudukan pegawai berdasarkan <b>tarikh lantikan</b> bagi pegawai di gred lantikan atau <b>tarikh kenaikan pangkat terakhir</b> bagi pegawai yang berada di gred kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan yang sama.</p> <p>5) Sehubungan dengan itu, <b>tidak timbul isu perbezaan taraf</b> sama ada pegawai memangku / naik pangkat secara hakiki atau fleksi kerana penilaian adalah berasaskan merit dan kekananan.</p> <p>6) Bagi memastikan keharmonian dalam Jabatan, Bahagian Khidmat Pengurusan menasihati semua Ketua-ketua Pejabat untuk melaksanakan <b>semakan dan penyusunan semula Carta Organisasi</b> dan menekankan <b>flat hierarki organization</b> terutamanya melibatkan jawatan G44 dan G41/44 dengan menitik beratkan pembahagian tugas dan kompleksiti tugas yang setimpal dengan jawatan.</p>

SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
3.2)	<b>JABATAN MENGURUSKAN KENAIKAN PANGKAT SAYA SECARA FLEKSI SETELAH LEBIH 8 TAHUN PERKHIDMATAN. BOLEHKAH KENAIKAN PANGKAT SAYA DIANJAK KE BELAKANG MENGIKUT TARIKH GENAP 8 TAHUN?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Tempoh 8 tahun adalah tempoh minimum sahaja. Pihak <b>LKPPA boleh memperakukan sebarang tarikh</b> selepas tempoh minimum tersebut dan kebiasaannya tidak lebih awal daripada tarikh Lembaga bersidang.</li> <li>2) Perlulah dimaklumi bahawa <b>keputusan LKPPA adalah muktamad</b>. Sekiranya pegawai terkilan dengan keputusan LKPPA, rayuan boleh dikemukakan tidak lewat 30 hari dari tarikh keputusan diterima melalui Ketua Jabatan (urusetia Seksyen Kompetensi, BKP DOF).</li> <li>3) Dalam hal ini, <b>pegawai G41 yang telah genap 8 tahun dalam perkhidmatan dan memenuhi syarat kelayakan pemangkuan</b> tidak perlu menunggu iklan, sebaliknya boleh terus memohon kepada Seksyen Kompetensi DOF untuk pemangkuan ke Gred G44.</li> <li>4) Borang urusan pemangkuan boleh dimuat turun dari website DOF dan dikemukakan kepada BKP melalui Ketua Jabatan masing-masing.</li> </ol>
3.3)	<b>BOLEHKAH PEGAWAI G44 HAKIKI DISANDANG KE JAWATAN G41/G44 DAN PEGAWAI G44 FLEKSI DISANDANG KE JAWATAN HAKIKI G44?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) BKP DOF telah merujuk kepada JPA bagi urusan penempatan. Melalui surat JPA. BK (S) 334/55 Jld. 6 (17) bertarikh 30 Jun 2021, <b>kelonggaran penempatan pegawai G44</b> bagi urusan pusingan kerja adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Dibenarkan bagi pegawai G44 yang telah <b>lebih 8 tahun dalam perkhidmatan</b> (daripada tarikh lantikan); dan</li> <li>b) Bagi Pegawai yang naik pangkat ke G44 bagi mengisi kekosongan jawatan namun <b>kurang 8 tahun dalam perkhidmatan adalah tidak dibenarkan</b> untuk disandang semula ke Gred G41/G44 memandangkan tidak selari dengan prinsip pewujudan jawatan fleksi iaitu bagi memberi peluang kepada pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun untuk naik pangkat.</li> </ol> </li> <li>2) Dalam hal ini, majoriti pegawai Gred G44 di Jabatan Perikanan Malaysia telahpun berkhidmat lebih 8 tahun, boleh dilaksanakan pusingan kerja dan disandang sama ada di jawatan hakiki atau fleksi.</li> </ol>

SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS												
4	<b>KENAIKAN PANGKAT G44 KE G48</b>													
	4.1) <b>JAWATAN G48 ADALAH TERHAD DI JABATAN. APAKAH PELUANG BAGI PEGAWAI PERIKANAN G44 YANG SEDIA ADA UNTUK DINAIKKAN PANGKAT KE G48?</b>	<p>1) Pada masa ini laluan kenaikan pangkat adalah berasaskan kekosongan jawatan.</p> <p>2) Laluan lain bagi kenaikan pangkat adalah secara:</p> <p>a) <b>Subject Matter Expert (SME)</b> – rujukan MyPPSM, Cerai UP.6.1.2; dan</p> <p>b) <b>Fast Track</b> – rujukan MyPPSM, Cerai UP. 6.1.3(A).</p>												
	4.2) <b>TIDAK BOLEHKAH JAWATAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERIKANAN DIJADIKAN SEPERTI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENYELIDIK YANG BOLEH NAIK PANGKAT TANPA KEKOSONGAN?</b>	<p>1) Perlu difahami bahawa fungsi dan norma kerja setiap perjawatan adalah berlainan dan tersendiri.</p> <p>2) Sejarah perkembangan Skim Perkhidmatan adalah mengalami perkembangan seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Skim Perkhidmatan JKK 1976</th> <th>Skim Perkhidmatan SSB (1992)</th> <th>Skim Perkhidmatan SSM (2002)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>           1. Pegawai Perikanan A20, A11, A10            2. Penolong Pegawai Perikanan B8, B3, B1, A24            3. Pembantu Perikanan C10, C3, C1            4. Pengajar Rendah D7, D3, C6         </td> <td>           19. Pegawai Perikanan G3, G2, G1            20. Penolong Pegawai Perikanan G6, G5, G4            21. Pembantu Perikanan G8, G7            22. Pengajar Rendah G10, G9, G8         </td> <td>           19. Pegawai Perikanan G41, G44, G48, G52, G54            20. Penolong Pegawai Perikanan G27, G32, G36            21. Pembantu Perikanan G17, G22, G26            22. Pengajar Rendah G11, G14, G18         </td> </tr> </tbody> </table> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Skim Perkhidmatan JKK 1976</th> <th>Skim Perkhidmatan SSB (1992)</th> <th>Skim Perkhidmatan SSM (2002)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>           1. Pegawai Penyelidik A20/A11/A10, A9/A8, A7 (Di PORIM, FRIM, RRM, SIRIM, MARDI, MRRDB)            2. Pegawai Penyelidik A20, A11, A10 (Di UTN, IMR, MIMOS, Pusat Penyelidikan Perhutanan Sabah (Jabatan Perhutanan Sabah), Jabatan Pertanian Sarawak (Bahagian Penyelidikan Pertanian), Lembaga Koko Malaysia, Institut Penyelidikan Haiwan/Pusat Ternakan, Pusat Sains Teknologi Pertahanan(Kementerian Pertahanan) dan Institut Penyelidikan Galian)         </td> <td>           1. Pegawai Penyelidik Q3, Q2, Q1         </td> <td>           1. Pegawai Penyelidik Q41, Q43/44, Q47/48, Q51/52, Q53/54         </td> </tr> </tbody> </table>	Skim Perkhidmatan JKK 1976	Skim Perkhidmatan SSB (1992)	Skim Perkhidmatan SSM (2002)	1. Pegawai Perikanan A20, A11, A10 2. Penolong Pegawai Perikanan B8, B3, B1, A24 3. Pembantu Perikanan C10, C3, C1 4. Pengajar Rendah D7, D3, C6	19. Pegawai Perikanan G3, G2, G1 20. Penolong Pegawai Perikanan G6, G5, G4 21. Pembantu Perikanan G8, G7 22. Pengajar Rendah G10, G9, G8	19. Pegawai Perikanan G41, G44, G48, G52, G54 20. Penolong Pegawai Perikanan G27, G32, G36 21. Pembantu Perikanan G17, G22, G26 22. Pengajar Rendah G11, G14, G18	Skim Perkhidmatan JKK 1976	Skim Perkhidmatan SSB (1992)	Skim Perkhidmatan SSM (2002)	1. Pegawai Penyelidik A20/A11/A10, A9/A8, A7 (Di PORIM, FRIM, RRM, SIRIM, MARDI, MRRDB) 2. Pegawai Penyelidik A20, A11, A10 (Di UTN, IMR, MIMOS, Pusat Penyelidikan Perhutanan Sabah (Jabatan Perhutanan Sabah), Jabatan Pertanian Sarawak (Bahagian Penyelidikan Pertanian), Lembaga Koko Malaysia, Institut Penyelidikan Haiwan/Pusat Ternakan, Pusat Sains Teknologi Pertahanan(Kementerian Pertahanan) dan Institut Penyelidikan Galian)	1. Pegawai Penyelidik Q3, Q2, Q1	1. Pegawai Penyelidik Q41, Q43/44, Q47/48, Q51/52, Q53/54
Skim Perkhidmatan JKK 1976	Skim Perkhidmatan SSB (1992)	Skim Perkhidmatan SSM (2002)												
1. Pegawai Perikanan A20, A11, A10 2. Penolong Pegawai Perikanan B8, B3, B1, A24 3. Pembantu Perikanan C10, C3, C1 4. Pengajar Rendah D7, D3, C6	19. Pegawai Perikanan G3, G2, G1 20. Penolong Pegawai Perikanan G6, G5, G4 21. Pembantu Perikanan G8, G7 22. Pengajar Rendah G10, G9, G8	19. Pegawai Perikanan G41, G44, G48, G52, G54 20. Penolong Pegawai Perikanan G27, G32, G36 21. Pembantu Perikanan G17, G22, G26 22. Pengajar Rendah G11, G14, G18												
Skim Perkhidmatan JKK 1976	Skim Perkhidmatan SSB (1992)	Skim Perkhidmatan SSM (2002)												
1. Pegawai Penyelidik A20/A11/A10, A9/A8, A7 (Di PORIM, FRIM, RRM, SIRIM, MARDI, MRRDB) 2. Pegawai Penyelidik A20, A11, A10 (Di UTN, IMR, MIMOS, Pusat Penyelidikan Perhutanan Sabah (Jabatan Perhutanan Sabah), Jabatan Pertanian Sarawak (Bahagian Penyelidikan Pertanian), Lembaga Koko Malaysia, Institut Penyelidikan Haiwan/Pusat Ternakan, Pusat Sains Teknologi Pertahanan(Kementerian Pertahanan) dan Institut Penyelidikan Galian)	1. Pegawai Penyelidik Q3, Q2, Q1	1. Pegawai Penyelidik Q41, Q43/44, Q47/48, Q51/52, Q53/54												



SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)  
(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>3) Yang terbaharu ialah <b>Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016</b> - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). <b>Prinsip Saraan dan Klasifikasi Perkhidmatan di bawah SSM</b> adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) <b>Kadar upahan untuk kerja mengikut perkhidmatan, jawatan dan prestasi anggota</b> - <i>Prinsip ini menetapkan bahawa seseorang pegawai yang menyandang sesuatu jawatan hendaklah dibayar upahan mengikut jenis kerja dan tanggungjawab yang dijalankan. Semakin berat dan kompleks tugas dan tanggungjawab yang dijalankan, semakin tinggi upahan yang diterima.</i></li><li>b) <b>Kelayakan masuk dan latihan</b> - <i>Prinsip yang memerlukan seseorang calon memenuhi syarat kelayakan dan latihan yang ditetapkan bagi melayakkannya menjalankan sesuatu kerja dalam sektor awam dan prinsip ini membolehkan kadar upah ditentukan berdasarkan kepada kelayakan dan latihan yang ditetapkan dalam sesuatu skim perkhidmatan.</i></li><li>c) <b>Gaji pokok dan komponen berubah</b> - <i>Prinsip ini menetapkan supaya pegawai dibayar gaji yang mencukupi untuk menyara keperluan hidup asas (living wage) yang mengandungi keperluan bagi makanan, pakaian dan tempat tinggal.</i></li><li>d) <b>Perbandingan adil bagi jenis dan peringkat kerja yang dianggap penting dan tinggi nilainya</b> - <i>Prinsip perbandingan adil menetapkan saraan yang diterima oleh pegawai perlulah munasabah dan secara keseluruhannya setanding dengan saraan semasa bagi jawatan setaraf di pasaran bagi membolehkan sektor awam menarik dan mengekalkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran.</i></li></ul>





## SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

### JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>e) <b>Relativiti dan Pariti.</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- <b>Relativiti:</b> satu hubung kait munasabah dalam struktur gaji antara gred jawatan lebih tinggi dengan gred jawatan lebih rendah. Contohnya relativiti antara pegawai gred 48 dengan gred 29.</li><li>- <b>Pariti:</b> pegawai perkhidmatan awam dalam kumpulan perkhidmatan setaraf sewajarnya menerima saaran yang setaraf. Contohnya pariti di antara pegawai gred U54 dengan M54.</li></ul> <p>f) <b>Pengasingan</b> - Prinsip ini mengasingkan pentadbiran saaran bagi badan-badan berkanun tertentu yang mempunyai kemampuan dari segi sumber kewangan dan jentera organisasi yang kukuh daripada sistem saaran sektor awam yang lain.</p> <p>4) Sehubungan itu, bagi membolehkan permohonan bagi penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pegawai Perikanan disejajarkan dengan Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik, hendaklah terlebih dahulu memastikan <b>Deskripsi Tugas (Job Description/JD)</b> Pegawai Perikanan <b>setara dengan Prinsip Saraan</b> yang dinilai bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik.</p> <p>5) Berdasarkan Deskripsi Tugas sedia ada bagi Pegawai Perikanan dan Pegawai Penyelidik, didapati masing-masing mempunyai peranan tersendiri dan melaksanakan tugas yang berbeza, namun saling menyokong kepada pencapaian hala tuju Jabatan.</p>



**SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)  
(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)**

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
5.	<b>KAJIAN SKIM DI BAWAH KETUA PERKHIDMATAN DOF</b>	
	<b>5.1) APAKAH STATUS KAJIAN SKIM PERKHIDMATAN OPERATOR WAYARLESS?</b>	1) Kajian skim ini masih di bawah penelitian JPA. 2) Sebarang keputusan akan dimaklumkan kepada pihak pegawai yang terlibat dalam kadar segera.
	<b>5.2) APAKAH STATUS KAJIAN SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI SAINS DAN PEMBANTU MAKMAL?</b>	1) Permohonan kajian skim ini telah dikemukakan melalui surat: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. DOF.BKP(S)02/81 JLD 3 (1) bertarikh 10 Mac 2022; dan</li> <li>b. DOF.BKP(S)02/81 JLD 3 (5) bertarikh 12 Ogos 2022.</li> </ol> 2) Perbincangan awalan mengenai kajian ini dilaksanakan pada 9/9/2022 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Mesyuarat dihadiri oleh Bahagian PMI, BKP dan Naib Pengerusi MBJ DOF. Susulan itu Jabatan diminta untuk melaksanakan Kajian Terperinci seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Mendapatkan survei daripada Pegawai terlibat sama ada untuk Tukar Lantik Skim Dominan di DOF atau Tukar Ketua Perkhidmatan;</li> <li>b. Mengkaji kelebihan dan kekurangan kedua-dua opsyen tersebut kepada pegawai terlibat dan juga kepada organisasi DOF sendiri;</li> <li>c. Mendapatkan persetujuan daripada Ketua Perkhidmatan yang berkenaan; dan</li> <li>d. Mengemukakan semula kepada JPA satu (1) opsyen yang ditetapkan oleh Jabatan.</li> </ol>
	<b>5.3) APAKAH STATUS KAJIAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERIKANAN (KEJURUTERAAN)?</b>	1) BKP telah menerima memorandum untuk pertukaran skim Pegawai Perikanan (Kejuruteraan) kepada skim Jurutera di bawah Ketua Perkhidmatan DOF. 2) Berdasarkan kajian awalan mendapati: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Skim Pegawai Perikanan (Kejuruteraan) adalah <i>nomenclature</i> dan telah diterjemahkan di dalam Syarat Masuk Skim Perkhidmatan Pegawai Perikanan;</li> </ol>



**SOALAN LAZIM (FAQ) YANG DIAJUKAN DI DALAM MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)**  
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)**  
**(KEMASKINI: 9 SEPTEMBER 2022)**

---

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>b. Pertukaran kepada skim Jurutera namun di bawah Ketua Perkhidmatan DOF <b>tidak menyelesaikan masalah skim minoriti di bawah Ketua Jabatan</b> masing-masing.</p> <p>c. Masalah laluan kerjaya dan penempatan yang terhad akan berulang sekiranya skim-skim minoriti dikekalkan.</p> <p>3) Pada masa ini, terdapat <b>peningkatan jawatan gred kenaikan pangkat Pegawai Perikanan (Kejuruteraan)</b> susulan penstrukturan semula dan pengukuhan jawatan DOF 2022 dan sebahagian isu berhubung naik pangkat dan penempatan dapat diselesaikan.</p> <p>4) Sehubungan dengan itu, didapati adalah lebih baik <b>skim ini dikekalkan seperti sedia ada dengan penambahbaikan terhadap prosedur penempatan dan perakuan kenaikan pangkat.</b></p> <p>5) Bagi isu perakuan kenaikan pangkat, BKP sebagai urusetia akan menasihati Jawatankuasa Kerja <i>Search Committee</i> DOF supaya <b>keutamaan pemilihan terhadap pegawai yang mempunyai latar belakang Kejuruteraan</b> untuk diperaku pemangkuan/kenaikan pangkat ke jawatan yang deskripsi tugasnya memerlukan kompetensi Kejuruteraan dapat dilaksanakan.</p> <p>6) Walaubagaimanapun, keputusan muktamad bagi pemangkuan dan kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada Perakuan Ketua Jabatan dan keputusan LKPPA.</p>

Disediakan oleh:

Bahagian Khidmat Pengurusan; dan

Bahagian Pembangunan Modal Insan

Jabatan Perikanan Malaysia.